

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

BST 201/3 - Pencemaran Alam Sekitar

Masa : [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

**[BST 201/3]**

1. Peningkatan kepekatan gas karbon dioksida ( $\text{CO}_2$ ) dalam atmosfera telah dikenalpasti sebagai punca utama kenaikan suhu purata permukaan dunia. Bincangkan fenomena ini berdasarkan konsep imbangan tenaga.

(20 markah)

2. Dengan menggunakan persamaan-persamaan kimia, terangkan bagaimana gas ozon ( $\text{O}_3$ ) boleh dimusnahkan oleh bahan halokarbon.

(20 markah)

3. Sepuluh tahun selepas kejadian tumpahan minyak Exxon Valdez di Prince William Sound, Alaska kesan-kesan alam sekitar serta sosialnya masih lagi ketara. Bincangkan status masakini ekosistem di Prince William Sound. Apakah yang dapat dipelajari dari peristiwa ini.

(20 markah)

4. Berikan definisi istilah dioksin. Jelaskan yang berikut:-

- (a) Proses pembentukan dioksin
- (b) Punca-punca dioksin
- (c) Kesan-kesan terhadap kesihatan

(20 markah)

5. Malaysia sudah mempunyai pelbagai perundangan bagi mengawal alam sekitar. Adakah kewujudan perundangan sahaja memadai untuk memastikan alam sekitar yang bersih? Bincangkan permasalahannya.

(20 markah)

**[BST 201/3]**

6. Mengapakah konsep 'luahan sifar' (zero discharge) tidak praktikal dalam pengurusan sisa serta air buangan? Jelaskan.

(20 markah)

**-oooOooo-**

